

6 September, 1981

Alias Ali dijangka jadi pengerusi Bank Pertanian

KUALA LUMPUR, Sabtu — Ahli Parlimen Kawasan Ulu Trengganu, Encik Alias Mohamad Ali, 44, dijangka mengambil-alih jawatan Pengerusi Bank Pertanian Malaysia dari Dr. Ogoes Salim.

Demikian menurut sumber-sumber tertinggi Kerajaan, di sini, hari ini.

Perlantikan tersebut adalah berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa tenaga-tenaga lama akan digantikan dengan "Generasi muda yang dinamis".

Encik Alias adalah bekas Pengarang BERNAMA yang memulakan karier politiknya dalam tahun limapuluhan bila beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO Ulu Trengganu. Beliau juga pernah menjadi Setiausaha Pemuda UMNO Negeri, sekejap sahaja sebelum berhijrah ke Kuala Lumpur.

Encik Alias memulakan kerjayanya sebagai wartawan dalam tahun 1957 sebagai wakil Berita Harian di Kuala Trengganu, kemudian menjadi pemberita Berita Harian, Kuala Lumpur selama tujuh tahun dan berpindah ke Utusan Melayu sebagai Ketua Pengarang Berita di sana.

Sementara itu, Pengerusi MARA, Dr. Nawawi Mat Awin pula dijangka menjadi Pengerusi Bank Bumiputera menggantikan Tan Sri Kamarul Ariffin dan Datuk Jaafar Hussein pula mengambil-alih Pengerusi Malayan Banking menggantikan Tan Sri Taib Andak.